



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

**AMARAN POTENSI BERLAKUNYA TANAH RUNTUH DI KAWASAN HOTSPOT  
YANG MENGALAMI AMARAN HUJAN BERTERUSAN**

---

1. METMalaysia telah mengeluarkan amaran hujan berterusan mengikut tahap buruk dan waspada di seluruh negara berkuatkuasa sehingga 10 Disember 2022 yang dikeluarkan pada petang 10 Disember 2022. Susulan daripada peringkat amaran tersebut beberapa kawasan hotspot dikenalpasti berpotensi boleh berlakunya ancaman tanah runtuh di negeri-negeri berikut.
2. Kawasan hotspot tanah runtuh yang mengalami amaran hujan berterusan tahap buruk melibatkan kawasan-kawasan berikut:
  - i. Kelantan (Tanah Merah, Lojing Gua Musang, Felda Aring)
  - ii. Terengganu (Marang, Dungun, Kenyir-Kuala Berang)
3. Kawasan hotspot tanah runtuh yang mengalami amaran hujan berterusan tahap waspada melibatkan kawasan-kawasan berikut:
  - i. Perak (Lebuhraya Timur-Barat)
  - ii. Pahang (Cameron Highlands, Kuala Lipis, Temerloh)
4. Sehubungan itu, JMG ingin mengingatkan penduduk-penduduk yang berada di kawasan hotspot tanah runtuh yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing. Langkah kewaspadaan ini perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan  $25^{\circ}$  ke atas.

Ketua Pengarah

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

11 Disember 2022